

SULIT
Bahasa
Melayu
Kertas 1
November
2021
2 jam

1103/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSMA 2021

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan pembelajaran secara dalam talian.
Huraikan pendapat anda tentang pembelajaran secara dalam talian.
Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Guruku nadi bukannya seteru,
Khidmatnya cemerlang tak pernah jemu;
Belajar dalam talian jadi norma baharu,
Bukan penghalang mendalami ilmu.

Manisnya kuih dibuat ibu,
Disira dengan gula melaka;
Belajar di rumah menambah ilmu,
Asal pandai bahagikan masa.

Pemenang Cipta Pantun PdPR
Sumber: Diubah suai daripada
*Facebook Perpustakaan Desa,
Taman Mas Merah, Zon 7, Melaka*

Cabaran Pembelajaran Secara dalam Talian

Pelbagai cabaran timbul dalam menjayakan usaha mewujudkan pembelajaran yang berkesan. Pada peringkat awal pelaksanaan pembelajaran dalam talian, pelajar terkejar-kejar dengan jadual kelas yang padat dan menghadapi masalah ketidakseimbangan emosi. Capaian Internet yang tidak stabil selain terpaksa berkongsi peranti dengan adik-beradik turut mengganggu proses pembelajaran.

Sumber: Diubah suai daripada
Tinta Minda BERNAMA

Medium Pembelajaran dalam Talian



Bahagian B**[70 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1: DOMAIN AWAM

Industri penternakan kambing di negeri ini masih kecil berbanding dengan industri komoditi lain. Usaha memperkembang industri ternakan mampu membawa keuntungan lumayan sekiranya dilaksanakan dengan lebih sistematik dan berterusan. Penternakan kambing tidak memerlukan kawasan tanah yang luas tetapi proses penjagaan yang baik berpotensi untuk memperkembang industri ini. Permintaan daging kambing adalah tinggi terutamanya pada musim perayaan termasuk permintaan tetap oleh pengusaha industri lain meskipun harga borong daging kambing agak mahal.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Industri Penternakan Kambing Wajar Terus Digalakkan'
Utusan Borneo, 17 Oktober 2018

Petikan akhbar di atas menyatakan potensi penternakan kambing di negara kita. Sebagai masyarakat yang prihatin, anda berminat untuk menulis rencana bertajuk 'Kepentingan Sektor Penternakan kepada Negara' untuk diterbitkan dalam majalah kepenggunaan.

Tulis rencana itu selengkapnya.

Soalan 2: DOMAIN PERIBADI

'Berikan aku sepuluh pemuda, maka akan kugoncangkan dunia.' Ungkapan ini merujuk kepada peranan golongan belia sebagai agen perubahan negara. Golongan belia perlu memiliki nilai jati diri yang kental dalam usaha membina dan membangunkan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Kita tidak mahu anak muda yang menjadi harapan negara hanyut dalam dunia globalisasi sehingga lupa asal usul dan mudah terpengaruh dengan budaya luar yang kurang sihat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pembinaan Jati Diri Kental'
Harian Metro, 7 September 2020

Petikan akhbar di atas menjelaskan harapan negara untuk melihat golongan muda memainkan peranan dalam menghadapi cabaran masa depan.

Jelaskan peranan anda sebagai seorang remaja untuk menjadi warganegara yang berkualiti.

Soalan 3: DOMAIN PENDIDIKAN

Kurikulum baharu Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) yang diperkenalkan di sekolah dapat membudayakan sikap mengutamakan keselamatan di jalan raya sejak usia kanak-kanak. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dengan memberikan pendidikan tentang pengetahuan dan kepentingan mematuhi peraturan jalan raya. Melalui PKJR, kanak-kanak diajar tentang maksud simbol-simbol pada papan tanda keselamatan jalan raya dan langkah-langkah keselamatan yang harus diambil ketika berada di jalan raya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kurikulum Keselamatan Jalan Raya Tepat Pada Masanya'
Berita Harian Online, 2 Februari 2019

Petikan akhbar di atas membuktikan bahawa Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) penting untuk memberikan kesedaran seawal usia kanak-kanak.

Bincangkan kesan-kesan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya.

Soalan 4: DOMAIN KERJAYA

Sebelum ini, kerjaya sebagai doktor, jurutera dan peguam sering menjadi impian para pelajar. Namun, pembangunan di kebanyakan negara kini tertumpu kepada kemajuan transformasi digital sekali gus membuka peluang kerjaya yang lebih luas. Tahukah anda, kerjaya dalam bidang digital seperti *Youtuber* dan *Instafamous* menawarkan pendapatan yang lumayan dan menyeronokkan? Golongan muda harus sedar bahawa dengan kepesatan teknologi, kerjaya yang ada sekarang mungkin tiada lagi pada masa hadapan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Realiti Pekerjaan Masa Hadapan'
Astro Awani, 10 Februari 2018

Petikan di atas menggambarkan situasi pilihan kerjaya pada masa akan datang.

Berikan pendapat anda tentang persediaan-persediaan untuk menceburi kerjaya dalam bidang digital.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT